

04 NOV 2002

Asean-Integrasi/I

LEBIH BANYAK HALA TUJU DAN DAYA USAHA DIPERLUKAN BAGI INTEGRASI EKONOMI ASEAN

Oleh: Abul Muin Majid

PHNOM PENH, 4 Nov (Bernama) -- Sebab utama kenapa Asean seolah-olah menghadapi kebuntuan bagi melaksanakan integrasi ekonomi selain pemotongan tarif ialah kerana ia tidak jelas mengenai objektif jangka sederhana dan jangka panjangnya, kata Setiausaha Agung Asean Rodolfo Severino hari ini.

Beliau berkata integrasi ekonomi serantau juga seolah-olah tersekat dalam "perjanjian-perjanjian rangka kerja, program-program kerja dan pelan-pelan induk".

"Wawasan 2020 Asean mengharapkan sebuah Rantau Ekonomi Asean yang menawarkan aliran bebas barangan, perkhidmatan dan pelaburan. Tetapi bagaimana ia benar-benar dapat dicapai?"

"Apakah jenis intergrasi ekonomi yang ingin diguna pakai oleh Asean? Adakah Asean kini perlu mensasarkan sebuah kesatuan Kastam? Sebuah pasaran bersama? Pasaran tunggal? Sebuah kesatuan ekonomi?" kata Severino dalam laporannya kepada pemimpin-pemimpin serantau yang berhimpun di sini bagi Sidang Kemuncak Asean sleama dua hari yang bermula hari ini.

Diplomat itu berkata integrasi ekonomi serantau perlu melibatkan bukan sahaja perdagangan dan industri tetapi juga kewangan.

"Pelbagai kajian telah dijalankan mengenai langkah sedemikian seperti integrasi pasaran modal, mengguna pakai unit matawang Asean, liberalisasi perkhidmatan kewangan dan mengeluarkan syarat bagi transaksi akaun modal antara Asean," katanya.

Severino juga membentangkan kepada pemimpin berkenaan akan hasil kajian yang mengatakan Asean menghadapi cabaran daya saing serius kerana ia telah gagal memanfaatkan kekuatannya disebalik keseluruhan saiz pasaran yang setanding dengan pasaran China.

Kajian itu, katanya, menunjukkan bahawa trend pelaburan dan eksport adalah membimbangkan kerana para pelabur dihalang oleh masalah-masalah yang diwujudkan oleh integrasi terhad Asean dengan sesetengahnya menganggap rantau ini sebagai satu pasaran.

Menurut kajian itu, pasaran Asean yang kecil dan terbahagi tidak menarik kepada para pelabur berbanding dengan pasaran China yang besar dan rantau lain yang lebih bersepadu di dunia.

Kajian itu dijalankan oleh McKinsey & Company, sebuah firma perunding antarabangsa yang telah ditugaskan pada Mei lepas untuk menyemak dan menyediakan cadangan bagi meningkatkan integrasi ekonomi Asean.

Ia mencadangkan kesegeraan dan mendalami proses itu menerusi program tindakan yang efektif yang akan melibatkan pergerakan bebas barangan, perkhidmatan, modal dan buruh mahir; pengharmonian tarif luar; menggalakkan dasar pertandingan adil; dan menyediakan bantuan teknikal bagi negara-negara anggota yang kurang membangun.

Dua sektor teras telah dikenal pasti bagi daya usaha ke arah integrasi ekonomi - industri elektronik dan barangan pengguna.

Kajian itu menggalakkan negara-negara Asean untuk membangunkan institusi-institusi yang lebih kukuh, lebih bebas bagi memacu integrasi yang pada awalnya dikaitkan dengan dua sektor teras itu.

Menurutnya negara-negara anggota perlu memperkasakan institusi berkenaan bagi membangunkan dasar-dasar teknikal yang baik, bagi memantau pelaksanaan dan memastikan keyakinan pelabur dalam penyelesaian pertikaian.

Malaysia diwakili oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak itu.

Asean dianggotai Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar,

Filipina, Singapura, Thailand dan Myanmar.

-- BERNAMA

MAM LES RHM